

No. 23935.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971
PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

STATUT UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
(LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI) 2026

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN 1

PERMULAAN

1. Nama
2. Tafsiran

BAHAGIAN 2

LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI DAN BIDANG KUASA

3. Keanggotaan
4. Ahli Silih Ganti
5. Ahli Turut Hadir
6. Tempoh Keanggotaan
7. Fungsi dan Peranan Anggota Lembaga
8. Fungsi dan Kuasa Lembaga
9. Kuasa Tambahan Lembaga
10. Peruntukan yang Berhubungan dengan Perbadanan

BAHAGIAN 3

MESYUARAT DAN KUORUM

11. Mesyuarat Lembaga
12. Pembuatan Keputusan
13. Minit Mesyuarat Lembaga
14. Tindakan Terhadap Keputusan Lembaga
15. Tatacara Lembaga
16. Perjalanan Sementara Fungsi Lembaga

BAHAGIAN 4

PENUBUHAN JAWATANKUASA OLEH LEMBAGA

17. Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Lembaga

BAHAGIAN 5

HILANG KELAYAKAN

18. Hilang Kelayakan
19. Terhenti Menjadi Ahli
20. Peletakan Jawatan

BAHAGIAN 6

TATAKELAKUAN

21. Kerahsiaan
22. Pendedahan Kepentingan
23. Tanggungjawab untuk Bertindak Berdasarkan kepada Kepentingan Awam dan Kepentingan Universiti
24. Integriti
25. Akauntabiliti
26. Pematuhan Undang-Undang

BAHAGIAN 7

AM

27. Elaun
28. Urus Setia
29. Perlindungan Pekhidmat Awam dan Pihak Berkuasa Awam
30. Kesahan Tindakan dan Keputusan Lembaga

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971
PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

STATUT UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
(LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI) 2026

Suatu Statut untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan Lembaga Pengarah Universiti mengelola, membuat dasar, mengawasi Universiti dan menyediakan peruntukan lain yang berkaitan dan bersangkutan dengannya untuk menangani birokrasi dan mengurangkan beban kawal selia.

Mengiktiraf bahawa Lembaga Pengarah Universiti merupakan Pihak Berkuasa Universiti dan merupakan badan tertinggi dalam pembuatan dasar dan keputusan dalam Universiti.

Mengakui bahawa Perlembagaan Universiti memperuntukkan Lembaga Pengarah Universiti merupakan badan pengelola, pembuat dasar dan pengawas di Universiti dan boleh menjalankan semua kuasa yang diberikan kepada Universiti oleh Perlembagaan, statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan.

Mengiktiraf bahawa dalam menjalankan fungsi, kuasa dan tanggungjawabnya, Lembaga Pengarah Universiti perlu bersama-sama menyokong Universiti untuk mencapai visi, misi dan matlamatnya seperti yang digariskan dalam rangka kerja pendidikan tinggi.

Mengakui bahawa dalam penjalanan fungsi dan kuasanya, Lembaga Pengarah Universiti akan menyokong tatakelola dan tadbir urus terbaik, kepentingan tatakelakuan beretika, akauntabiliti dan integriti, dan ketelusan.

Mengakui tatakelola dan tadbir urus terbaik menetapkan pembahagian fungsi, hak dan tanggungjawab dalam kalangan Pihak Berkuasa Universiti yang lain dan menjelaskan prosedur bagi pembuatan keputusan kawalan dalaman dan pengurusan risiko. Lembaga Pengarah perlu mempertimbangkan keseimbangan kepentingan pemegang taruh yang lain dalam Universiti seperti pekerja, guru, pelanggan, pembekal, pelajar, komuniti, masyarakat dan kerajaan termasuk Kementerian Pendidikan Tinggi.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Universiti Putra Malaysia [*P.U. (A) 448/2010*], Canselor membuat Statut yang berikut:

BAHAGIAN 1

PERMULAAN

Nama

1. Statut ini bolehlah dinamakan sebagai Statut Universiti Putra Malaysia (Lembaga Pengarah Universiti) 2026.

Tafsiran

2. (1) Dalam Statut ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

‘Jawatankuasa Lembaga’ ertinya jawatankuasa yang disenaraikan dalam Jadual 1 di bawah seksyen 17(1)(a);

‘Jawatankuasa Universiti’ ertinya jawatankuasa yang disenaraikan dalam Jadual 2 di bawah seksyen 17(1)(b);

‘Kerajaan’ ertinya Kerajaan Malaysia termasuklah Jabatan Perdana Menteri dan kementerian yang berkenaan;

‘Lembaga’ ertinya Lembaga Pengarah Universiti di bawah seksyen 17 Perlembagaan Universiti;

‘Menteri’ ertinya Menteri yang bertanggungjawab ke atas Universiti Awam atau mana-mana Menteri yang arahnya perlu dipatuhi oleh Universiti Awam;

‘Perlembagaan Universiti’ ertinya Perlembagaan Universiti Putra Malaysia; ‘Pihak Berkuasa Universiti’ ertinya pihak berkuasa Universiti di bawah seksyen 16 Perlembagaan Universiti;

‘Senat’ ertinya Senat Universiti di bawah seksyen 22 Perlembagaan Universiti;

‘Undang-undang Negara’ ertinya Perlembagaan Persekutuan, Akta-akta Parlimen dan polisi-polisi Kerajaan yang sedang berkuat kuasa dan terpakai ke atas Universiti; dan

‘Universiti’ ertinya Universiti Putra Malaysia.

BAHAGIAN 2**LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI DAN BIDANG KUASA****Keanggotaan**

3. (1) Lembaga hendaklah terdiri daripada—

(a) Pengerusi;

(b) Naib Canselor;

(c) dua orang pegawai daripada perkhidmatan awam;

(d) seorang yang mewakili masyarakat di tempat terletaknya Universiti itu;

(e) seorang profesor Universiti yang dipilih oleh Senat;

(f) lima orang yang terdiri daripada—

(i) tiga orang daripada sektor swasta;

(ii) seorang daripada alumni Universiti; dan

(iii) seorang lagi dari dalam atau luar Universiti;

yang pada pendapat Menteri, mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang boleh membantu Lembaga.

(2) Timbalan Naib Canselor, Pendaftar, Bursar dan Penasihat Undang-Undang hendaklah menjadi ahli *ex-officio* Lembaga tetapi tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat Lembaga.

(3) Pendaftar hendaklah menjadi Setiausaha Lembaga.

Ahli Silih Ganti

4. (1) Tertakluk kepada kelulusan Menteri, setiap ahli yang dilantik di bawah perenggan 3(1)(c) boleh melantik seorang ahli silih ganti untuk menghadiri mesyuarat Lembaga dan jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Lembaga dalam **Jadual 1** dan **Jadual 2** jika ahli itu tidak dapat hadir atas apa-apa sebab.

(2) Apabila menghadiri mesyuarat Lembaga, seseorang ahli silih ganti hendaklah bagi segala maksud disifatkan sebagai ahli Lembaga.

Ahli Turut Hadir

5. Lembaga boleh melantik mana-mana pegawai Universiti Putra Malaysia menjadi ahli turut hadir secara tetap tetapi pegawai itu tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat Lembaga.

Tempoh Keanggotaan

6. (1) Pelantikan ahli Lembaga di bawah perenggan 3(1), kecuali Naib Canselor, hendaklah dibuat oleh Menteri bagi tempoh tiga tahun dan apabila habis tempoh itu ahli Lembaga itu layak dilantik semula.

(2) Tempoh ahli yang dilantik di bawah perenggan 3(1)(e) hendaklah bagi selama tempoh keanggotaannya dalam Senat.

(3) Tempoh ahli yang dilantik di bawah seksyen 5 hendaklah bagi selama tempoh yang ditetapkan oleh Lembaga.

(4) Tempoh ahli silih ganti di bawah seksyen 4 adalah mengikut tempoh anggota yang dilantik di bawah seksyen 3(1)(c).

Fungsi dan Peranan Anggota Lembaga

7. (1) Pengerusi Lembaga hendaklah—

- (a) memanggil mesyuarat melalui Setiausaha Lembaga;
- (b) mempengerusikan mesyuarat Lembaga;
- (c) mempunyai dan boleh menggunakan satu undi dalam membuat keputusan dan satu undi pemutus dalam keadaan kiraan undi adalah terikat sama banyak di dalam mesyuarat Lembaga; dan
- (d) menandatangani surat pelantikan bagi apa-apa lantikan yang dibuat oleh Lembaga, atau apa-apa surat lain yang dikehendaki oleh apa-apa peruntukan undang-undang atau garis panduan Kerajaan.

(2) Naib Canselor hendaklah—

- (a) menghadiri mesyuarat Lembaga pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Pengerusi; dan
- (b) menimbang teliti dan memberikan penjelasan sesuatu soal dalam sesuatu mesyuarat Lembaga;
- (c) mempunyai dan boleh menggunakan satu undi dalam membuat keputusan di dalam mesyuarat Lembaga;
- (d) bertindak sebagai penghubung antara Lembaga dengan Senat, Jawatankuasa Pengurusan Universiti dan Pihak Berkuasa Universiti yang lain; dan
- (e) melaksanakan arahan dan ketetapan yang dibuat oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

(3) Setiap ahli Lembaga hendaklah—

- (a) menghadiri mesyuarat Lembaga pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Pengerusi;
- (b) menimbang teliti sesuatu soal dalam sesuatu mesyuarat Lembaga mengikut kepakaran dan kepentingan masing-masing yang setiap ahli itu dilantik oleh Menteri;
- (c) mempunyai dan boleh menggunakan satu undi setiap seorang dalam membuat keputusan di dalam mesyuarat Lembaga;
- (d) mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Lembaga yang dia dilantik sebagai Pengerusi; dan
- (e) menjadi ahli di dalam Jawatankuasa Lembaga atau Jawatankuasa Universiti yang dia dilantik menjadi ahlinya.

- (4) Setiausaha Lembaga hendaklah—
 - (a) melaksanakan arahan Pengerusi untuk mengadakan mesyuarat Lembaga;
 - (b) menyedia dan menyelenggara minit mesyuarat Lembaga;
 - (c) menjadi penghubung antara Lembaga dengan Jawatankuasa Lembaga; dan
 - (d) memantau keputusan Lembaga dan memastikan arahan Lembaga dilaksanakan dan melaporkannya kembali kepada Lembaga.
- (5) Setiap ahli Ex-Officio hendaklah—
 - (a) menghadiri mesyuarat Lembaga pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Pengerusi;
 - (b) atas arahan oleh Naib Canselor atau Lembaga memberikan pandangan dan penjelasan mengenai sesuatu soal dalam sesuatu mesyuarat Lembaga mengikut skop dan bidang masing-masing;
 - (c) tidak boleh mengundi dalam mesyuarat Lembaga.

Fungsi dan Kuasa Lembaga

8. (1) Lembaga hendaklah—
- (a) mengadakan rancangan pengawasan pengurusan strategik yang bercirikan pendidikan tinggi dan misi Universiti;
 - (b) mengurangkan beban kawal selia dengan pemantauan yang cekap dan berkesan dan mengadakan kajian semula yang menyeluruh mengenai operasi Universiti;
 - (c) mendukung usaha Universiti dalam memperkukuh hubungan dengan masyarakat, sektor korporat dan industri;
 - (d) menggalakkan peningkatan hubungan global dan antarabangsa berhubung dengan pelajaran tinggi, penyelidikan dan inovasi;
 - (e) memastikan pelaksanaan Perlembagaan dan dasar Universiti serta undang-undang negara;
 - (f) memastikan tiap-tiap anggota Lembaga, Pihak Berkuasa Universiti, jawatankuasa atau pegawai bertindak menurut kuasanya dan bidang tugasnya.
 - (g) membuat sesuatu keputusan dengan bebas dan profesional yang memberi manfaat kepada Universiti.

(2) Lembaga juga mempunyai kuasa—

(a) berkaitan hal ehwal akademik, penyelidikan dan inovasi

- (i) memberikan ijazah kehormat kepada orang yang telah memberikan sumbangan terhadap kemajuan atau penyebaran pengetahuan atau yang telah berbuat jasa cemerlang kepada awam;
- (ii) memberikan pandangan kepada Senat mengenai apa-apa perkara dalam kuasa Senat seperti hal ehwal akademik, penyelidikan dan inovasi bagi pertimbangan Senat;
- (iii) menubuhkan suatu percetakan Universiti dan menerbitkan buku dan bahan lain;

(b) berkaitan hal ehwal pelajar

- (i) menubuhkan Jawatankuasa Tatatertib Pelajar dan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar;
- (ii) membuat kaedah tatatertib pelajar bagi pelajar Universiti;
- (iii) membuat peraturan berkaitan hukuman khidmat masyarakat terhadap pelajar yang didapati bersalah di atas apa-apa kesalahan tatatertib pelajar oleh jawatankuasa tatatertib pelajar;
- (iv) membuat peraturan-peraturan dan peruntukan bagi tempat tinggal dan kebajikan pelajar Universiti;
- (v) membuat peraturan-peraturan bagi penjalanan pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar dan bagi segala perkara yang berhubung dengannya;
- (vi) membuat peraturan-peraturan untuk menetapkan cara bagi pembuatan atau penganjuran, atau pengambilan bahagian dalam pungutan wang atau penerimaan wang atau sumbangan lain oleh Majlis Perwakilan Pelajar atau Badan Pelajar;
- (vii) mengurangkan atau melanjutkan tempoh keanggotaan Majlis Perwakilan Pelajar dan pemegang jawatannya;
- (viii) menetapkan mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang bukannya suatu parti politik sebagai tidak sesuai untuk pelajar menjadi ahlinya demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau Universiti itu;

(c) berkaitan hal ehwal kewangan

- (i) melaburkan apa-apa wang yang terletak hak padanya sebagai derma kekal dalam harta tanah atau cagaran (sama ada dibenarkan sebagai pelaburan pemegang amanah atau tidak), sama ada wang itu terletak hak bagi maksud am atau maksud khas, atau apa-apa wang lain yang tidak dikehendaki segera

bagi perbelanjaan semasa, dengan mempunyai kuasa untuk mengubah mana-mana pelaburan itu serta menandatangani dari semasa ke semasa apa-apa wang yang pada masa itu tidak dilaburkan dalam mana-mana bank yang ditubuhkan di Malaysia sama ada dalam akaun deposit tetap atau akaun semasa;

- (ii) memberikan pinjaman atau pendahuluan kepada pekerja Universiti;
- (iii) memberikan pinjaman atau bantuan kewangan kepada pelajar yang patut menerimanya atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang diluluskan oleh Lembaga;
- (iv) membuat kontrak dan menubuhkan apa-apa tabung amanah sebagaimana yang dikehendaki bagi maksud Universiti dan melantik pekerja Universiti bagi maksud itu;
- (v) menuntut dan menerima apa-apa fi sebagaimana yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah;

(d) berkaitan hal ehwal sumber manusia

- (i) mengadakan kursi, jawatan pensyarah, dan jawatan lain;
- (ii) melantik dan menaikkan pangkat ke jawatan Profesor atau pemegang Kursi mengikut nasihat Jawatankuasa Pemilih;
- (iii) melantik Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang mengikut nasihat Jawatankuasa Pemilih;
- (iv) menimbangkan rayuan daripada mana-mana orang yang terkilan dengan penjalanan kuasa melantik dan menaikkan pangkat itu;
- (v) mengawal selia syarat perkhidmatan pekerja Universiti, termasuk skim perkhidmatan, tangga gaji, peminjaman, pertukaran, cuti dan tatatertib;
- (vi) menubuhkan skim pencen atau skim persaraan atau skim kumpulan wang simpanan bagi faedah pekerja Universiti, dan membuat perkiraan dengan pertubuhan atau orang lain bagi menubuhkan skim itu;
- (vii) membuat peraturan-peraturan dan peruntukan bagi tempat tinggal, kebajikan pekerja Universiti;

(e) berkaitan pembangunan tanah dan aset

- (i) menetapkan pelan induk pembangunan tanah Universiti;
- (ii) mendirikan, melengkapkan dan menyelenggarakan perpustakaan, makmal, muzium, dewan kuliah, bangunan tempat tinggal dan segala bangunan lain yang dikehendaki bagi maksud Universiti, di dalam atau di luar Malaysia;

- (iii) menjual, menggadaijanjikan, memajakkan, menukar atau selainnya melupuskan mana-mana harta itu;
- (iv) membeli apa-apa harta tak alih dan mengambil, menerima dan memegang apa-apa harta tersebut yang akan terletak hak padanya oleh sebab pembelian itu, atau menurut apa-apa pertukaran, pemberian, derma, pajakan, pemberian berwasiat atau selainnya tertakluk kepada perlembagaan, statut, kaedah-kaedah dan peraturan;

(f) berkaitan perkara am

- (i) melakukan segala perbuatan dan perkara lain, sama ada bersangkutan atau tidak dengan kuasa yang tersebut di atas itu, sebagaimana yang diperlukan untuk memajukan lagi pengajaran, penyelidikan, kewangan, pentadbiran, kebajikan dan tatatertib di Universiti.
- (ii) membuat, meminda atau membatalkan mana-mana kaedah yang tidak termasuk apa-apa perkara di dalam seksyen 37(2) Perlembagaan Universiti.

(3) Dalam menjalankan fungsi dan kuasa Lembaga di bawah subseksyen 8(2), Lembaga hendaklah mengambil kira pertimbangan kelestarian Universiti dalam menetapkan hala tuju dan strategi Universiti.

(4) Lembaga boleh mendapatkan dana bagi aktiviti akademik, penyelidikan dan inovasi, jaringan industri dan masyarakat, pembangunan pelajar dan pembangunan fizikal Universiti dan boleh menerima sebagai pemberian, hadiah, pemberian berwasiat, subsidi, legasi atau selainnya, harta atau wang bagi membantu kewangan Universiti atas apa-apa syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga.

(5) Lembaga boleh mengarahkan syarikat Universiti atau perbadanan Universiti termasuk subsidiari yang ditubuhkan dibawahnya mengemukakan laporan prestasi dari semasa ke semasa kepada Jawatankuasa Lembaga yang berkenaan.

(6) Dalam menjalankan fungsi dan kuasa Lembaga yang dinyatakan di dalam seksyen ini, seseorang ahli Lembaga hendaklah—

- (a) menahan diri daripada mencampuri urusan pengurusan dan eksekutif dan sentiasa menghormati prinsip pembahagian bidang kuasa antara Lembaga dan Pihak Berkuasa Universiti yang lain yang dinyatakan di dalam Perlembagaan Universiti; dan
- (b) menjalankan fungsinya mengikut kepakaran dan hendaklah sentiasa bebas daripada apa-apa pengaruh luar atau dalam, dorongan, tekanan, ancaman atau gangguan secara langsung atau tidak langsung daripada mana-mana pihak atau bagi apa-apa sebab.

Kuasa Tambahan Lembaga

9. (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri Kewangan:

- (a) jika didapati perlu, berfaedah atau sesuai bagi atau berkaitan dengan penunaian fungsi, perjalanan kuasa dan pelaksanaan aktiviti Universiti, menyertai penyertaan ekuiti, perkongsian, usaha sama, pengusahaan atau apa-apa bentuk kerjasama atau perkiraan yang lain bersama-sama dengan, atau selainnya—
 - (i) sesuatu perusahaan, syarikat, pengusahaan swasta atau sindiket orang yang ditubuhkan bagi menjalankan perniagaan di Malaysia atau di tempat lain;
 - (ii) Kerajaan Persekutuan atau Negeri;
 - (iii) sesuatu badan atau pihak berkuasa awam;
 - (iv) sesuatu suruhanjaya; atau
 - (v) seseorang;
- (b) menubuhkan atau menganjurkan penubuhan syarikat di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] untuk menjalankan atau melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti yang telah dirancang atau diusahakan oleh Universiti;
- (c) menubuhkan perbadanan untuk menjalankan dan bertanggungjawab ke atas, mengendalikan dan menguruskan apa-apa harta, projek, skim atau perusahaan yang pada pendapat Lembaga adalah bermanfaat dan berfaedah kepada Universiti;
- (d) meminjam atas apa-apa kadar bunga dan bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma sebagaimana yang diluluskan oleh Lembaga, apa-apa jumlah wang yang diperlukan oleh Universiti bagi menjelaskan tanggungannya atau bagi menunaikan mana-mana kewajipannya;
- (e) mendapatkan pinjaman di bawah perenggan (d) melalui penerbitan bon, debentur atau saham debentur dalam apa-apa kelas dan nilai atau menggadaikan, menggadaikan, menyandarkan atau selainnya mengadakan lien ke atas harta alih atau tak alihnya, atas apa-apa terma yang difikirkan suai manfaat oleh Lembaga;
- (f) memperoleh dan memegang sebagai pelaburan syer, saham, debentur, saham debentur, bon, tanggungan dan sekuriti yang diterbitkan atau dijamin oleh—
 - (i) mana-mana syarikat atau pengusahaan swasta atau mana-mana sindiket orang yang ditubuhkan bagi menjalankan perniagaan di Malaysia atau di tempat lain;
 - (ii) Kerajaan Persekutuan atau Negeri;

- (iii) sesuatu pemerintah berdaulat;
 - (iv) sesuatu suruhanjaya; dan
 - (v) sesuatu badan atau pihak berkuasa awam;
- (g) memperoleh syer, saham, debentur, saham debentur, bon, tanggungan atau sekuriti yang disebut dalam perenggan (f) melalui langganan asal, tender, pembelian, pindah hak milik, pertukaran atau selainnya;
- (h) menjalankan dan pada amnya menguatkuasakan segala hak dan kuasa yang diberikan melalui atau bersampingan dengan pemunyaan syer, saham, debentur, saham debentur, bon, tanggungan atau sekuriti yang disebut dalam perenggan (f) dan khususnya untuk menjual, memindahkan hak milik, menukarkan atau selainnya melupuskan syer, saham, debentur, saham debentur, bon, tanggungan atau sekuriti itu; dan
- (i) membeli, memajak atau menyewa atau selainnya memperoleh dan melabur dalam apa-apa harta tanah dan harta diri yang difikirkan perlu atau sesuai bagi mana-mana maksud Universiti.

Peruntukan yang Berhubungan dengan Perbadanan

10. (1) Berhubungan dengan peruntukan mengenai perbadanan dalam seksyen 9(1)(c) Statut ini, Lembaga hendaklah membuat peraturan-peraturan—

- (a) maksud dan tujuan yang baginya perbadanan itu ditubuhkan;
- (b) hak, kuasa, kewajipan dan fungsi perbadanan itu;
- (c) sistem pengurusan perbadanan itu; dan
- (d) hubungan antara perbadanan itu dengan Universiti dan hak kawalan oleh Lembaga ke atas perbadanan itu.

(2) Lembaga boleh pada bila-bila masa meminda, membatalkan, atau menambah, mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat berkenaan dengan mana-mana perbadanan di bawah subseksyen (1) Statut ini.

(3) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri selepas berunding dengan Menteri Kewangan, mengarahkan mana-mana perbadanan yang ditubuhkan olehnya digulung dan dibubarkan.

BAHAGIAN 3

MESYUARAT DAN KUORUM

Mesyuarat Lembaga

11. (1) Mesyuarat Lembaga hendaklah dijalankan sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun.

(2) Pengerusi dan empat ahli lain tidak termasuk ahli *ex-officio* hendaklah membentuk kuorum bagi apa-apa mesyuarat Lembaga.

(3) Pengerusi akan menentukan tarikh, tempat dan agenda mesyuarat Lembaga dan mesyuarat itu hendaklah dipanggil oleh Setiausaha Lembaga.

(4) Tiada ketetapan boleh diluluskan oleh Lembaga berhubung dengan apa-apa perkara dalam kuasa Senat, tetapi Lembaga boleh menghantar pendapatnya kepada Senat mengenai apa-apa perkara dalam kuasa Senat, bagi pertimbangan Senat.

(5) Dalam menimbangkan apa-apa perkara di hadapannya, Lembaga hendaklah sentiasa mengutamakan kepentingan Universiti secara keseluruhannya berbanding kepentingan persendirian atau pihak ketiga yang lain.

(6) Sesuatu mesyuarat Lembaga boleh diadakan lebih daripada satu tempat dengan menggunakan apa-apa teknologi atau kaedah mengikut tatacara di bawah seksyen 15 Statut ini yang membolehkan ahli Lembaga itu menjalankan hak mereka untuk mengundi dalam mesyuarat itu termasuk secara edaran.

(7) Mesyuarat di bawah seksyen 11(1) termasuklah apa-apa mesyuarat khas yang ditentukan oleh Pengerusi dibawah subseksyen 11(3).

Pembuatan Keputusan

12. Dalam sesuatu mesyuarat Lembaga, apabila sesuatu perkara ingin diputuskan oleh Lembaga, perkara itu boleh diputuskan secara sebulat suara atau mengikut kelebihan undi ahli yang hadir atau ahli yang mengundi secara edaran.

Minit Mesyuarat Lembaga

13. Semua minit mesyuarat disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya oleh Setiausaha Lembaga.

Tindakan Terhadap Keputusan Lembaga

14. Apa-apa keputusan mesyuarat yang minitnya belum disahkan tetapi perlu segera diambil tindakan oleh pihak yang dipertanggungjawabkan, maka tindakan tersebut adalah sah dan dibenarkan tertakluk kepada persetujuan Pengerusi dan hendaklah dicatatkan pada minit mesyuarat berikutnya.

Tatacara Lembaga

15. Lembaga boleh menentukan tatacaranya sendiri dalam melaksanakan aturan mesyuarat Lembaga.

Perjalanan Sementara Fungsi Lembaga

16. (1) Sekiranya Pengerusi Lembaga tidak dapat menjalankan fungsinya kerana apa jua sebab, atau semasa apa-apa tempoh kekosongan dalam jawatan Pengerusi, Menteri boleh melantik mana-mana ahli Lembaga, selain Naib Canselor untuk menjadi Pengerusi.

(2) Seseorang ahli yang dilantik sebagai Pengerusi di bawah subseksyen (1), dalam tempoh dia menjalankan fungsi Pengerusi hendaklah disifatkan sebagai Pengerusi Lembaga.

BAHAGIAN 4**PENUBUHAN JAWATANKUASA OLEH LEMBAGA****Jawatankuasa yang Ditubuhkan oleh Lembaga**

17. (1) Lembaga—

(a) hendaklah menubuhkan Jawatankuasa yang disenaraikan dalam **Jadual 1** yang hendaklah dipengerusikan oleh Pengerusi atau ahli Lembaga, dan dikenali sebagai Jawatankuasa Lembaga; dan

(b) boleh menubuhkan Jawatankuasa yang disenaraikan dalam **Jadual 2** dan dikenali sebagai Jawatankuasa Universiti dan ahli Lembaga hanya menjadi ahli kepada Jawatankuasa itu; dan

(c) boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang didapatinya perlu atau suai manfaat untuk membantunya dalam melaksanakan fungsinya.

(2) Surat lantikan sebagai Pengerusi atau ahli Jawatankuasa dalam **Jadual 1** atau **Jadual 2** hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi Lembaga.

(3) Lembaga hendaklah memilih mana-mana ahlinya untuk menjadi pengerusi sesuatu jawatankuasa dalam **Jadual 1**.

(4) Lembaga boleh melantik mana-mana orang termasuk ahlinya untuk menjadi ahli sesuatu jawatankuasa dalam **Jadual 1** dan **Jadual 2**.

(5) Seseorang ahli sesuatu jawatankuasa hendaklah memegang jawatan bagi apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya dan layak untuk dilantik semula.

(6) Pelantikan mana-mana pengerusi atau ahli sesuatu jawatankuasa boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Lembaga.

(7) Seseorang pengerusi atau ahli sesuatu jawatankuasa boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatannya dengan memberikan notis secara bertulis yang ditujukan kepada Pengerusi Lembaga.

(8) Lembaga boleh, pada bila-bila masa, memberhentikan atau mengubah keahlian sesuatu jawatankuasa.

(9) Sesuatu jawatankuasa hendaklah tertakluk kepada, dan bertindak mengikut, apa-apa arahan serta mengemukakan apa-apa laporan yang dikehendaki oleh Lembaga.

(10) Mesyuarat sesuatu jawatankuasa hendaklah diadakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat dengan menggunakan apa-apa teknologi atau kaedah sebagaimana yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa termasuk secara edaran.

(11) Sesuatu jawatankuasa hendaklah menyebabkan—

- (a) minit semua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya;
- (b) keputusan penting yang melibatkan keputusan atau dasar Universiti hendaklah dikemukakan kepada Lembaga secepat yang dapat dilaksanakan;
- (c) laporan jawatankuasa lembaga dan apa-apa ulasan mengenai laporan prestasi syarikat Universiti atau perbadanan Universiti dikemukakan kepada lembaga dari masa ke masa.

(12) Sesuatu jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuaratnya bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu.

(13) Sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Bahagian ini boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.

(14) Bagi maksud mesyuarat Jawatankuasa dalam **Jadual 1** dan **Jadual 2**, seseorang Ahli Silih Ganti boleh menghadiri mesyuarat jawatankuasa menggantikan anggota dibawah seksyen 3(1)(c) Statut ini;

(15) Lembaga boleh dari semasa ke semasa meminda **Jadual 1** dan **Jadual 2** dalam mesyuaratnya.

BAHAGIAN 5

HILANG KELAYAKAN

Hilang Kelayakan

18. (1) Orang yang berikut hilang kelayakan untuk dilantik sebagai atau untuk menjadi ahli Lembaga:

- (a) jika telah dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan—
 - (i) kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;

- (ii) kesalahan di bawah undang-undang yang berhubungan dengan rasuah;
 - (iii) kesalahan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971; atau
 - (iv) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang melebihi dua tahun;
- (b) jika dia menjadi bankrap; atau
- (c) jika dia didapati atau ditetapkan tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk menguruskan hal ehwalnya.

Terhenti Menjadi Ahli

19. (1) Seseorang ahli Lembaga akan terhenti menjadi ahli—

- (a) jika dia tidak menghadiri mesyuarat Lembaga tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi Lembaga; atau
- (b) jika pelantikannya dibatalkan atau dia meletakkan jawatan; atau
- (c) jika dia hilang kelayakan di bawah seksyen 18.

(2) Pengerusi akan memaklumkan Menteri mengenai ketidakhadiran, pembatalan atau kehilangan kelayakan itu untuk perhatian Menteri.

Peletakan Jawatan

20. Seseorang ahli Lembaga boleh meletakkan jawatan dengan memberikan notis secara bertulis kepada Menteri melalui Pengerusi Lembaga.

BAHAGIAN 6**TATAKELAKUAN****Kerahsiaan**

21. (1) Pengerusi, ahli Lembaga, ahli silih ganti, ahli *ex-officio*, ahli turut hadir mungkin akan memiliki atau mempunyai akses terhadap maklumat dalaman sepanjang tempoh ahli itu menjadi ahli Lembaga.

(2) Pengerusi, ahli Lembaga, ahli silih ganti, ahli *ex-officio*, ahli turut hadir hendaklah memastikan semua maklumat dalaman itu kekal dirahsiakan dengan tegas, tidak mendedahkan maklumat dalaman itu kepada orang yang tidak dibenarkan dan mestilah mengambil semua langkah yang perlu untuk memelihara kerahsiaan maklumat dalaman itu dan tidak boleh menggunakan maklumat dalaman itu secara langsung atau tidak langsung bagi apa-apa tujuan lain selain daripada yang dihasratkan kecuali pendedahan itu dibenarkan atau diperlukan oleh undang-undang.

(3) Bagi maksud seksyen ini, maklumat dalam ertinya maklumat rahsia, sensitif, sulit, tidak bersifat awam atau apa-apa maklumat yang boleh menjejaskan imej dan reputasi Universiti tanpa mengira sama ada maklumat itu dikelaskan sebagai rahsia besar, rahsia, sulit atau terhad.

Pendedahan Kepentingan

22. (1) Seseorang ahli Lembaga hendaklah dengan sedaya upayanya mengelak pertelingkahan kepentingan sama ada secara langsung atau tidak langsung.

(2) Seseorang ahli Lembaga hendaklah mendedahkan apa-apa konflik kepentingan, secara langsung atau secara tidak langsung, sama ada secara hakikatnya berlaku atau berkemungkinan berlaku dengan Universiti, syarikat atau perbadanan Universiti dan sekiranya dikehendaki oleh Lembaga mengecualikan dirinya daripada apa-apa perkara dalam pertimbangan dan pembuatan keputusan berkaitan oleh Lembaga.

(3) Sesuatu pendedahan di bawah subseksyen (2) hendaklah direkodkan dalam minit Lembaga dan, melainkan jika dibenarkan secara khusus oleh Pengerusi, ahli itu tidak boleh mengambil bahagian dalam pertimbangan atau keputusan Lembaga yang berkaitan.

Tanggungjawab untuk Bertindak Berdasarkan kepada Kepentingan Awam dan Kepentingan Universiti

23. (1) Lembaga mempunyai tanggungjawab untuk bertindak berdasarkan kepada kepentingan awam dan memastikan pembuatan keputusan adalah saksama dan telus.

(2) Lembaga juga bertanggungjawab untuk bertindak secara suci hati dengan mengambil kira kepentingan terbaik Universiti dan pemegang taruhnya.

Integriti

24. (1) Lembaga hendaklah melaksanakan dan menunaikan tanggungjawab kepada Universiti secara jujur dan mengikut standard etika kelakuan dan profesional yang tinggi dan mematuhi semua undang-undang, kaedah dan peraturan.

(2) Lembaga hendaklah menahan diri daripada menawarkan, memberi, meminta atau menerima apa-apa hadiah, derma termasuk derma politik, penajaan atau apa-apa bentuk kemudahan secara tunai, barang atau perkhidmatan bukan tunai, kelebihan, perjalanan, keraian dan pertolongan daripada mana-mana orang atau entiti yang berurusan dengan Universiti apabila pemberian itu semunasabahnya dijangka akan mempengaruhi prestasi Lembaga dalam menunaikan tanggungjawabnya dalam semua aspek urusan Universiti.

(3) Apabila berurusan dengan hadiah, derma, penajaan atau apa-apa bentuk kemudahan, Lembaga hendaklah mengamalkan integriti tertinggi dan memastikan pematuhan kepada undang-undang berkaitan antirasuah dan sogokan.

Akauntabiliti

25. Lembaga hendaklah menjalankan pengawasan ke atas Universiti secara bebas dan membuat keputusan berdasarkan merit. Seseorang Ahli Lembaga tidak boleh—

- (a) membenarkan apa-apa hubungan peribadi mempengaruhi pandangan dan keputusannya;
- (b) menggunakan prestij jawatannya untuk kepentingan peribadinya atau orang lain;
- (c) memberikan atau membenarkan orang lain memberikan gambaran kepada mana-mana orang bahawa mereka berada dalam kedudukan yang istimewa untuk mempengaruhinya;
- (d) memberikan apa-apa komen umum tentang suatu isu Lembaga yang belum selesai;
- (e) berkelakuan mengikut cara yang tidak wajar sebagai seorang ahli Lembaga atau yang boleh membawa atau dikira akan membawa nama buruk kepada jawatannya sebagai ahli Lembaga.

Pematuhan Undang-Undang

26. Lembaga dalam menjalankan tanggungjawab dan melaksanakan kuasanya hendaklah mematuhi semua undang-undang negara, kaedah-kaedah dan peraturan termasuklah Perlembagaan Universiti dan panduan yang dikeluarkan oleh kementerian yang ditanggungkan dengan tanggungjawab pendidikan tinggi.

BAHAGIAN 7

AM

Elaun

27. Ahli Lembaga hendaklah dibayar apa-apa saraan atau elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

Urus Setia

28. (1) Urus Setia bagi Lembaga adalah Pejabat Pendaftar.

(2) Urus Setia hendaklah bertindak—

- (a) membantu Pendaftar dalam urusan kesetiausahaan mesyuarat Lembaga;

- (b) menjadi penghubung di antara Universiti dan Kementerian bagi urusan hal ehwal Lembaga;
- (c) mengurus maklumat dan elauan ahli Lembaga dan menjadi penghubung Lembaga dengan Pusat Tanggungjawab Universiti; dan
- (d) menjadi penghubung antara Lembaga dengan Jawatankuasa Lembaga dan Jawatankuasa Universiti.

Perlindungan Pekhidmat Awam dan Pihak Berkuasa Awam

29. (1) Semua ahli Lembaga termasuk Ex-Officio dan Ahli Turut Hadir semasa menjalankan fungsi sebagai ahli Lembaga hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [Akta 574].

(2) Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [Akta 198] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan guaman pendakwaan atau prosiding terhadap Lembaga atau mana-mana ahlinya termasuk Ex-Officio dan Ahli Turut Hadir berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya atas sifat yang sedemikian itu.

Kesahan Tindakan dan Keputusan Lembaga

30. Tiada apa-apa perbuatan atau peninggalan oleh Lembaga yang menjalankan tugas yang berkenaan sebelum berkuat kuasanya Statut ini boleh menjadi tidak sah atas sebab Statut ini belum berkuat kuasa.

JADUAL 1
Jawatankuasa Lembaga
Kaedah 17(1)(a)

Bil	Jawatankuasa	Urus Setia
1.	Jawatankuasa Tetap Kewangan	Pejabat Bursar
2.	Jawatankuasa Pembangunan Tanah dan Aset	Pejabat Pembangunan Tanah dan Aset
3.	Jawatankuasa Pendanaan dan Perniagaan	Pejabat Bursar
4.	Jawatankuasa Audit	Bahagian Audit Dalam
5.	Jawatankuasa Integriti	Pejabat Pendaftar
6.	Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
7.	Lembaga Pengarah UPM Holdings Sdn. Bhd.	UPM Holdings Sdn. Bhd.
8.	Lembaga Pengarah Yayasan Putra Business School	Putra Business School
9.	Jawatankuasa Ad-hoc yang ditubuhkan dari semasa ke semasa	Pejabat Pendaftar

JADUAL 2
Jawatankuasa Universiti
Seksyen 17(1)(b)

Bil	Jawatankuasa	Urus Setia
1.	Jawatankuasa Pemilihan (Profesor/Pendaftar/Bursar/ Ketua Pustakawan/Penasihat Undang-Undang)	Pejabat Pendaftar
2.	Jawatankuasa Perolehan	Pejabat Bursar
3.	Jawatankuasa Pengurusan Risiko	Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat
4.	Jawatankuasa Kebajikan Pelajar	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
5.	Jawatankuasa Aduan Pelajar	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
6.	Jawatankuasa Tatatertib Pelajar	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Dibuat 18 Jun 2026
[Minit Mesyuarat LPU 185/06]
[LPU-UPM.100-5/1/17]

SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ
Canselor
Universiti Putra Malaysia

No. 23936.

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

CONSTITUTION OF UNIVERSITY PUTRA MALAYSIA

**STATUTE OF UNIVERSITY PUTRA MALAYSIA
(BOARD OF DIRECTORS OF THE UNIVERSITY) 2026**

ARRANGEMENT OF SECTIONS

PART 1

PRELIMINARY

1. Name
2. Interpretation

PART 21

BOARD OF DIRECTORS OF THE UNIVERSITY AND JURISDICTION

3. Membership
4. Alternate Members
5. Members in Attendance
6. Term of Membership
7. Functions and Roles of Board Members
8. Functions and Powers of the Board
9. Additional Powers of the Board
10. Provisions Relating to the Corporation

PART 3

MEETINGS AND QUORUM

11. Board Meetings
12. Decision Making
13. Minutes of Board Meetings
14. Actions Against Board Decisions
15. Board Procedures
16. Interim Proceedings of the Board's Functions

PART 4

ESTABLISHMENT OF COMMITTEES BY THE BOARD

17. Committees established by the Board

PART 5

LOSS OF DISQUALIFICATION

18. Loss of Disqualification
19. Cessation of Membership
20. Resignation

PART 6

CODE OF CONDUCT

21. Confidentiality
22. Disclosure of Interest
23. Responsibility to Act in Public Interest and the Interest of the University
24. Integrity
25. Accountability
26. Compliance with the Law

PART 7

MISCELLANEOUS

27. Allowances
28. Secretariat
29. Protection of Public Servants and Public Authorities
30. Validity of Acts and Decisions of the Board

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

CONSTITUTION OF UNIVERSITY PUTRA MALAYSIA

STATUTE OF UNIVERSITY PUTRA MALAYSIA
(BOARD OF DIRECTOR OF THE UNIVERSITY) 2026

